LATIHAN : PENGELUARAN

1. Matlamat pengeluaran barang dan perkhidmatan ialah
   A Memaksimumkan pengeluaran
   B Memaksimumkan keuntungan
   C Menghasilkan barang dan perkhidmatan
   D Memenuhi keperluan dan kehendak pengguna

. Kos pengeluaran merupakan
A Bayaran yang perlu ditanggung oleh pembeli barang
B Bayaran yang perlu dikecualikan cukai barang dan perkhidmatan (GST)
C Bayaran yang ditanggung oleh firma untuk menghasilkan sesuatu produk
D Bayaran yang ditanggung oleh kerajaan untuk menyediakan peluang pekerajaan

3. Fungsi pengeluaran menunjukkan
   A Hubungan antara input dan output
   B Kecekapan mengggunakan faktor pengeluaran
   C Hubungan antara input tetap dengan input berubah
   D Kecekapan memilih teknik pengeluaran yang optimum

4. Jangka masa pendek merujuk kepada..
   A Satu jangka masa yang melebihi setahun
   B Satu jangka masa yang mempunyai input tetap
   C Satu jangka masa yang mempunyai input berubah
   D Satu jangka masa yang mempunyai input tetap dan input berubah

5. Gambar berikut menunjukkan dua jenis input

Apakah persamaan antara kedua-dua input tersebut?

A Kedua-duanya merupakan input tetap
B Kedua-duanya merupakan input berubah
C Kedua-duannya boleh berubah dalam jangka masa pendek
D Kedua-duanya boleh berubah dalam jangka masa panjang

LIVEWORKSHEETS

6. En Daris menggunakan sebuah mesin jahit dan 60 meter kain untuk menghasilkan 25 helai baju. Mengapakah mesin jahit dianggap sebagai input tetap?
   A Melibatkan perbelanjaan yang besar
   B Pengeluaran baju sukar dilakukan tanpa mesin jahit
   C Meningkatkan kecekapan pengeluaran baju
   D Tidak berubah ikut jumlah baju yang dikeluarkan

7. Antara yang berikut, yang manakah merupakan input berubah dalam pengeluaran jangka masa pendek?
   A Loji dan mesin
   B Loji dan buruh
   C Bahan mentah dan mesin
   D Buruh dan bahan mentah

8. Pernyataan yang manakah benar tentang input berubah?
   A Wujud walaupun input sifar
   B Contoh input berubah ialah kilang
   C Wujud selepas tempoh masa sebulan
   D Berubah secara langsung dengan tingkat keluaran

9. Gambar di bawah menunjukkan satu input yang digunakan dalam pengeluaran

Apakah ciri-ciri input tersebut dalam pengeluaran jangka masa panjang?

I Wujud walaupun output sifar
II Tidak wujud apabila tiada output
III Berubah mengikut tingkat keluaran
IV Tidak berubah mengikut tingkat keluaran
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10. Tahap 2 dalam pengeluaran berlaku apabila

I Keluaran purata menurun
II Keluaran marginal mencapai maksimum
III Jumlah keluaran menurun
IV Kombinasi input pengeluaran yang cekap

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS